

Konsep Keselamatan Rumah Kediaman Menurut Kaedah Fiqh

Zahari Mahad Musa^{1*}

Fakulti Syariah dan Undang-undang,
Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Pengarang Penghubung
zahari@usim.edu.my

ABSTRAK

Rumah adalah sebahagian persekitaran dan mempunyai hubungan yang rapat dengan pembangunan insan. Pembinaan dan kesejahteraan kehidupan insan bermula dengan kediaman yang baik dan berkualiti. Ini kerana, rumah bukan sekadar ruang fizikal, malah ia menjadi tempat bermulanya interaksi sosial dan pembinaan komuniti yang sejahtera. Islam telah menetapkan garis panduan yang terperinci berkaitan rumah kediaman yang berkualiti. Malah rumah menjadi sebahagian aras piawaian kebahagian dalam kehidupan. Kajian ini bertujuan membincangkan salah satu aspek penting dalam sesebuah rumah kediaman iaitu aspek keselamatan. Fokus keselamatan berkaitan rumah kediaman akan ditumpukan kepada analisis data yang melibatkan kaedah-kaedah fiqh utama yang diambil berdasarkan nas-nas syarak atau huraiyan ulama berkaitan isu rumah kediaman. Tiga komponen kaedah fiqh yang menggariskan aspek keselamatan rumah kediaman ialah kaedah fiqh yang berkaitan konsep maslahah, dharar dan adat setempat. Selain daripada itu, aspek keselamatan rumah kediaman dalam Islam melibatkan keselamatan fizikal dan keselamatan bukan fizikal bagi mengatur kualiti kehidupan. Penelitian terhadap beberapa kaedah fiqh terpilih menunjukkan bahawa pembinaan sesebuah rumah kediaman menurut Islam mestilah dalam keadaan selamat untuk dihuni demi kelangsungan hidup bagi memelihara maqasid syariah.

Kata kunci: Islam, Kaedah Fiqh, Keselamatan, Rumah Kediaman.

ABSTRACT

A house is a part of environment and has a close relationship with human development. The well-being of human life begins with a good and quality house. This is so because house is not just about physical structure, but also a space for social interaction and a catalyst for a harmonious community. Islam had set a detailed guidelines on a quality house. This study discussed one of the

important aspects in a house namely safety. Discussion and analysis on safety of a house are based on the related Islamic legal maxims (*al-qawa'id al-fiqhiyyah*) and the views of scholars. Three Islamic legal maxims which outline safety aspects of a dwelling are maxims related concept of harm (darar), interest (maslahah) and local customs (urf). In addition, the safety aspect of a house in Islam comprised of physical and non-physical safety for a better quality of life. Study of some selected Islamic legal maxims in the context of safe dwelling implied that a house must be safe for occupancy in order to preserve the five objectives of shariah (maqasid al-shariah).

Keywords: Islam, Islamic Legal Maxims, Safety, Dwelling house.

1. Pendahuluan

Setiap manusia memerlukan rumah kediaman sebagai salah satu keperluan asas yang membolehkannya tenang daripada sebarang kacau ganggu dari persekitaran mahupun antara sesama penghuninya. Rumah kediaman yang berkualiti mampu menjadi pusat kecemerlangan budaya dan tamadun. Namun, kegagalan mengurus tadbir rumah kediaman akan membawa kepincangan kepada institusi keluarga secara khususnya dan komuniti masyarakat secara umumnya. (Sayyid Qutb, 1997).

Persekutuan rumah kediaman yang berkualiti memberi impak kepada kehidupan yang berkualiti (Nurizan Yahya, 1998). Di Malaysia, rumah kediaman menjadi satu keperluan sehingga ditetapkan satu dasar oleh kerajaan sebagai asas dalam perancangan dan pembangunan sektor perumahan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Dasar yang dikenali dengan Dasar Perumahan Negara (DRN) meletakkan matlamat iaitu menyediakan ruang yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan kemapanan hidup rakyat. Dalam Islam, salah satu aspek kualiti rumah kediaman ialah apabila memenuhi tiga syarat utamanya iaitu 1) keselamatan (al-amn), 2) privasi (al-khususiyah) dan 3) kesihatan (al-sihhah) (Anas Mustafa Abu Ata, 1994).

Kajian ini bertujuan menghuraikan aspek keselamatan bagi rumah kediaman dalam Islam dengan menumpukan kepada kaedah-kaerah fiqh yang menerangkan aspek keselamatan. Kaedah analisis data digunakan dengan melihat kaedah-kaerah fiqh primer yang boleh diaplikasikan secara langsung dengan isu yang bincangkan.

2. Keselamatan Sebagai Syarat Rumah Kediaman Dalam Islam

Setiap manusia mempunyai impian untuk hidup dalam keadaan yang sejahtera. Sejahtera dapat dicapai melalui kehidupan berkualiti yang bercirikan berkat, bahagia, selamat dan tenang. Semua ini harus bermula dari rumah kediaman seseorang sebagai institusi awal kehidupan. Keselamatan merupakan syarat penting yang perlu ada bagi setiap rumah untuk didiami. Rumah adalah nikmat untuk berlindung kerana manusia menghabiskan sebahagian kehidupan di kediaman masing-masing.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) tempat tinggal; dan ia menjadikan bagi kamu daripada kulit binatang-binatang ternak: khemah-khemah (tempat berteduh), yang kamu mendapatinya ringan (dibawa ke mana-mana) semasa kamu merantau dan semasa kamu berhenti; dan (ia juga menjadikan bagi kamu) daripada berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai barang perkakas rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakan) hingga ke suatu masa. Dan Allah menjadikan bagi kamu sebahagian daripada yang diciptakanNya: benda-benda untuk berteduh, dan ia menjadikan bagi kamu sebahagian dari gunung-ganang tempat-tempat berlindung; dan ia juga menjadikan bagi kamu pakaian-pakaian yang memelihara kamu daripada panas dan sejuk, juga pakaian-pakaian yang memelihara kamu semasa berjuang. Demikianlah, ia menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu berserah diri kepadanya dan mematuhi perintahNya.”

(Surah al-Nahl: 80-81)

Rumah kediaman pada asasnya merupakan jaminan ruang dan zon selamat kepada setiap individu. Rasulullah SAW menyatakan perkara ini dalam hadisnya:

Daripada Mu'adh RA, dia berkata: Rasulullah SAW menjanjikan kepada kami lima perkara yang sesiapa melakukannya akan menjadi jaminan ke atas Allah SWT. (Perkara tersebut ialah) sesiapa yang merawat pesakit, keluar mengiringi jenazah, keluar berjuang di jalan Allah, berjumpa pemerintah untuk tujuan menghormatinya atau sentiasa berada di kediamannya yang menjadikan manusia selamat

daripadanya dan dia juga akan selamat. (Ahmad ibn Hanbal, 1998, no: 22093)

Keseimbangan antara pembangunan fizikal dan rohaniah sesebuah rumah kediaman adalah sangat dititiberatkan dalam Islam. Kedua-duanya menjadi tunjang kepada kesejahteraan keluarga. Pembangunan fizikal merujuk kepada sebarang bentuk usaha membina, merancang struktur dan reka bentuk bagi sesebuah rumah kediaman. Perkara ini pernah dijelaskan oleh Rasulullah SAW yang menerangkan kediaman yang luas merupakan salah satu piawaian penting bagi mencapai kebahagiaan seseorang seperti yang disebut dalam hadis baginda: “Dan antara kebahagian individu ialah jiran yang baik, kenderaan yang selesa dan kediaman yang luas”. (Ahmad ibn Hanbal, 1998, no: 15446)

Pembangunan rohaniah pula menjurus kepada pengisian dan fungsi sesebuah rumah kediaman. Dalam Islam, pembangunan rohaniah merujuk kepada setiap aktiviti dan perkara berbentuk pengisian dan penyucian jiwa (tazkiyyat al-nafs) iaitu membersihkan diri daripada sebarang dosa, kesilapan serta menyuburkannya dengan kebaikan dan ketakwaan (Abu Faris, 2000). Sebagai contoh, terdapat tiga elemen penting berkaitan pembangunan rohaniah yang sering dikaitkan dengan rumah kediaman dalam Islam iaitu solat, bacaan al-Quran dan zikir. Rasulullah SAW bersabda: “Sekiranya salah seorang daripada kamu menunaikan solat di masjid, maka jadikanlah di kediamannya sebahagian daripada solatnya. Sesungguhnya Allah menjadikan solat yang didirikan di kediaman sebagai kebaikan.” (Muslim, t.t, no: 210)

Aspek keselamatan rumah kediaman dalam Islam terbahagi kepada dua kategori iaitu melibatkan keselamatan fizikal dan keselamatan bukan fizikal. Kategori pertama adalah berkaitan struktur dan binaan sesebuah rumah. Manakala kategori kedua merujuk kepada sebarang bentuk tingkah laku dan kod etika yang mementingkan aspek keselamatan bagi setiap penghuninya. Dalam hadis, Rasulullah SAW menjelaskan salah satu bentuk keselamatan bukan fizikal melalui bacaan al-Qur'an secara umumnya dan surah al-Baqarah secara khususnya. Hal ini menunjukkan kebenaran untuk menjadikan al-Qur'an sebagai perisai dan pendinding bagi kehidupan Muslim. Rasulullah SAW: “Janganlah jadikan rumah kamu seperti kubur, sesungguhnya syaitan lari dari rumah yang dibaca di dalamnya surah al-Baqarah.” (Muslim, t.t, no: 212)

Pelbagai faktor perlu diambil kira dalam menentukan keselamatan fizikal rumah kediaman termasuklah pemilihan kawasan, spesifikasi reka bentuk, mutu bahan binaan dan sebagainya. Sebarang bentuk kecacatan rumah kediaman perlu ditangani seawal proses pembelian dengan pihak

pemaju atau seawal proses pembinaan. Setelah mendiami rumah kediaman, setiap perkara mudarat sama ada bersifat umum atau khusus perlu dielakkan. Hukum-hukum yang dibincangkan oleh ulama dalam perkara hak-hak al-irtifaq perlu diambil berat oleh setiap penghuni. Hak-hak al-irtifaq terbahagi kepada lima komponen utama iaitu haqq al-shurb (air minuman dan siraman), haqq al-majra (saluran air bersih), haqq al-masil (saliran air kotor), haqq al-murur (laluan jalan) dan haqq al-jiwar (kejiraninan) (Al-Tuwayjari, t.t). Seseorang bebas membina, mengubahsuai atau menambah binaan ke atas rumah kediaman sendiri tetapi tidak keterlaluan sehingga memudaratakan pihak lain dalam aspek keselamatan binaan hak-hak tersebut.

Ibn Umar meriwayatkan fungsi rumah kediaman dari sudut fizikal dengan katanya: “Sesungguhnya kamu melihatku bersama Rasulullah SAW membina rumah yang berperanan untuk berlindung daripada hujan dan matahari.” (Ibn Majah, t.t, no: 4162)

Rasulullah SAW bersabda tentang beberapa aspek keselamatan melalui hadisnya: “Apabila datangnya malam -petang hari- maka tegahlah anak-anak kamu daripada keluar kerana syaitan berlegar-legar ketika itu. Apabila malam berlalu maka biarkan mereka, tutuplah pintu dengan mengingati Allah kerana syaitan tidak membuka pintu yang tertutup, Ikatlah kenderaan kamu dengan mengingati Allah, tutuplah bekas-bekas makanan kamu dengan mengingati Allah, walaupun kamu akan mengambil sedikit daripadanya dan tutuplah lampu pelita kamu.” (Muslim, t.t, no: 2012)

Hadis ini memberi beberapa peringatan yang menarik untuk diambil perhatian berkaitan aspek keselamatan rumah kediaman. Ini termasuklah pemantauan terhadap anak-anak ketika waktu maghrib, menutup pintu kediaman, menyimpan sebarang bentuk harta seperti ternakan dan lain-lain dengan rapi, memastikan bekas makanan tertutup kemas dan berhati-hati daripada sebarang bentuk kecelakaan seperti kebakaran.

Rasulullah SAW turut menegaskan aspek keselamatan melalui penyelenggaraan makanan melalui hadis baginda:

“Tutuplah bekas makanan, ikatlah bekas minuman, tutuplah pintu, matikanlah pelita. Maka sesungguhnya syaitan tidak membuka ikatan minuman, tidak membuka pintu, tidak membuka bekas makanan. Sekiranya seseorang daripada kamu tidak mendapatkan melainkan sebatang kayu untuk menutup bekas maka lakukanlah dan diiringi dengan zikir

(mengingati Allah). Sesungguhnya tikus adalah penyebab merebaknya kebakaran kepada penghuni bagi setiap kediaman.” (Muslim, t.t, no: 2012)

Imam al-Nawawi (1971) menghuraikan empat kelebihan ke atas penyelenggaraan bekas makanan bagi setiap rumah kediaman dalam hadis tersebut iaitu perlindungan daripada syaitan, menghindari wabak, mengelakkan kekotoran serta najis dan menjauhkan daripada sebarang serangga atau kuman. Dari sudut yang lain, hadis ini menganjurkan umat Islam untuk sentiasa memastikan ruang sesebuah rumah kediaman dalam keadaan yang bersih bagi memperolehi persekitaran yang sihat.

Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1994) menyarankan setiap muslim menjadikan rumah kediaman Rasulullah SAW sebagai model dalam kehidupan seharian. Ciri ringkas dan selamat sangat diambil kira dalam pembinaan fizikal dan struktur perhiasan rumah kediaman. Beliau menegaskan:

“Bahkan rumah kediaman (Rasulullah SAW) merupakan rumah bagi seorang musafir yang terbaik yang melindungi panas dan sejuk, menutup daripada sebarang pandangan, menghalang daripada laluan ternakan, tidak ditakuti runtuh kesan bebanan yang berat, bukan menjadi kawasan pemberian serangga kerana keluasannya, tiada pengaliran udara atau bau busuk kerana kedudukannya yang tinggi, tidak terlalu rendah ke bumi atau terlalu tinggi, akan tetapi dalam keadaan pertengahan. Itu semua rumah kediaman yang sederhana dan lebih mendatangkan manfaat”.

3. Kaedah-kaedah Fiqh Berkaitan Keselamatan Rumah Kediaman

Tiga kategori utama kaedah fiqh yang berkait rapat secara langsung dengan aspek keselamatan rumah kediaman dalam Islam iaitu kaedah fiqh berkaitan konsep maslahah, konsep darar dan adat setempat (‘urf).

3.1 Kaedah Fiqh Berkaitan Konsep Maslahah

Islam menetapkan peraturan yang bersepadan untuk kehidupan yang sejahtera dan selamat. Setiap peraturan yang ditetapkan bertujuan menjaga kemaslahatan hidup manusia di dunia dan akhirat. Kemaslahatan bermaksud sebarang bentuk kebaikan dan yang mendatangkan manfaat. Semua perkara, aktiviti dan sebab yang menjurus kepada menegakkan kemaslahatan adalah dibenarkan selagi mana mengikut piawaian syarak.

Izz al-Din Abd al-Salam (1991) menyatakan: “Dua kehidupan (dunia dan akhirat) mempunyai maslahah, sekiranya hilang maslahah tersebut maka pincanglah dua kehidupan. Bagi keduanya juga kerosakan jika berlaku turut membawa kepincangan. Semua kemaslahatan boleh dicapai dengan melakukan sebab-sebabnya yang bersifat tidak pasti (pada kebiasaanya)”.

Oleh itu, peraturan dan hukum dalam Islam memberi perlindungan lima perkara utama kehidupan yang dikenali dengan tujuan syarak (maqasid shariah) iaitu agama, nyawa, akal, maruah dan harta. Keperluan kepada rumah kediaman yang selamat dan kepentingan aspek keselamatan turut melibatkan perlindungan kepada lima perkara tersebut. Dalam menjaga agama, seseorang boleh melakukan ibadah peribadi seperti solat sunat mahupun solat jemaah sesama ahli keluarga di rumah kediaman masing-masing. Manakala bagi tujuan menjaga nyawa, sudah tidak dapat dinafikan lagi bahawa rumah kediaman merupakan satu tempat perlindungan peribadi daripada sebarang bentuk perubahan cuaca dan kepelbagaiannya interaksi sosial yang mencabar dalam masyarakat. Setiap manusia berhak menjalankan aktiviti peribadi bersifat santai untuk merehatkan fikiran selepas penat bekerja. Perlindungan ke atas harta dapat dilihat dari sudut penyimpanan barang dan keperluan peribadi di samping rumah itu sendiri merupakan harta yang menjadi amanah untuk dihargai. Rumah kediaman juga adalah ruang terbaik menjaga maruah peribadi seseorang melalui penjagaan aurat daripada terdedah kepada pandangan pihak luar (Al-Dughmi, 1985).

Kaedah-kaedah fiqh dalam kategori ini terdiri daripada:

- (1) Dar' al-mafasid awla min jalb al-masalih: Menolakkan kerosakan itu terlebih utama daripada mengambil manfaat.
- (2) Yukhtar akhaf al-dararayn: Dipilih yang lebih kurang daripada dua kemudarat.
- (3) Yutahammal al-darar al-khas bi daf al-darar al-amm: Ditanggungkan mudarat yang khas kerana menolak mudarat yang am.

Kaedah fiqh (1) bermaksud menghilangkan kerosakan lebih utama berbanding membawa manfaat. Dalam setiap urusan kehidupan, sering berlaku pertembungan antara perkara baik dan buruk. Sekiranya berlaku pertembungan antara dua situasi tersebut, maka menolak sebarang bentuk keburukan perlu didahului berbanding mendatangkan yang baik. Ini kerana menjauhkan keburukan adalah juga satu kebaikan dan berbentuk pasti untuk dielakkan (Shibir, 2000).

Struktur dan reka bentuk rumah kediaman yang selamat dibina bagi tujuan menjauhkan setiap keburukan yang mungkin berlaku dalam kehidupan seharian. Pintu berkunci, laluan masuk tertutup dan bilangan bilik minima merupakan sebahagian aspek keselamatan yang perlu diutamakan seperti mengelakkan pandangan orang luar atau menjaga privasi penghuni sesebuah rumah (Abdullah Mubarak, 2002). Selain itu, berbelanja untuk memasang jeriji besi, pagar atau kunci pendua adalah bertujuan menjaga keselamatan rumah kediaman daripada sebarang bentuk pencerobohan. Tindakan tersebut lebih diutamakan berbanding menghabiskan perbelanjaan dalam urusan dekorasi dan hiasan dalaman yang hanya dikategorikan kepada kemaslahatan berbentuk pelengkap (kamaliyyat). Selain daripada itu, pembangunan komuniti berpagar dan berpengawal merupakan sebahagian keperluan perumahan pada masa kini yang mempunyai tujuan yang sama iaitu memastikan keselamatan sesebuah rumah kediaman daripada sebarang bentuk pencerobohan. Usaha menjaga keselamatan ini diperkuuhkan lagi dengan kelulusan Garis Panduan Perancangan *Gated Community and Guarded Neighbourhood* oleh Jemaah Menteri pada 28 Julai 2010 dan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-63 pada 2 September 2010 (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2010).

Kaedah fiqh (2) dan (3) merujuk kepada membuat pertimbangan apabila berlaku dua situasi yang keduanya mempunyai keburukan dan kerosakan. Dalam situasi tersebut, tindakan yang dibenarkan ialah dengan melakukan perkara yang keburukannya lebih kecil. Ini kerana menjaga kemaslahatan umum lebih diutamakan berbanding kemaslahatan individu yang berbentuk peribadi (Al-Rifa'iyy, 2006). Saluran air yang bertakung adalah tidak selamat kepada rumah kediaman dan boleh mendatangkan mudarat seperti menjadi tempat pembiakan nyamuk dan longgokan sampah. Namun saluran air ke laluan umum atau jalan raya juga mendatangkan keburukan kepada lalu lintas. Justeru, saluran air perlu dialirkan ke arah lain atau mengikut spesifikasi pembentungan yang lebih baik (Abd al-Rahman ibn Ahmad, 1995).

3.2 Kaedah Fiqh Berkaitan Konsep Darar

Darar bermaksud setiap keburukan iaitu sesuatu yang tiada manfaat atau yang membawa kepada kerosakan. Secara asasnya kaedah-kaedah fiqh dalam kategori ini berpandukan pelbagai nas syarak yang menegah daripada berlaku kemudarat dalam sebarang tindakan. Kaedah ini

berasaskan kepada hadis Rasulullah SAW: "Tidak ada mudarat dan tidak dibenarkan membala dengan kemudaratannya." (Al-Bayhaqi, 1994, no: 11384).

Beberapa kaedah fiqh yang termasuk dalam kategori ini ialah:

- (1) Al-Darar yuzal: Kemudaratannya hendaklah dihilangkan.
- (2) Al-Darar yudfa bi qadr al-imkan: Mudarat itu ditolak dengan kadar yang boleh.
- (3) Al-Darar la yuzal bi al-darar: Mudarat itu tidak boleh dihilangkan dengan mudarat umpamanya.

Kesemua kaedah fiqh ini menunjukkan setiap mudarat perlu dijauhkan atau dielakkan mengikut kemampuan masing-masing. Namun, seseorang itu tidak dibenarkan untuk membala dengan membuat kemudaratannya kepada orang lain. Beberapa prinsip yang boleh diambil kira dalam setiap mudarat ialah perkara tersebut perlu dicegah dari awal lagi. Apabila mudarat terus berlaku maka ia hendaklah dikawal dan dihilangkan mengikut kesesuaian kondisi dan kemampuan individu yang mendepani situasi tersebut. Setiap mudarat yang besar biasanya ditetapkan hukuman yang lebih jelas dalam Islam (Al-Hilali, 2005).

Salah satu aspek keselamatan berkaitan rumah kediaman yang perlu diperhatikan ialah apabila melibatkan kecacatan binaan. Kecacatan rumah kediaman adalah sebahagian mudarat yang boleh menjelaskan struktur binaan dan seterusnya membawa kepada rumah yang tidak selamat untuk didiami. Ibn al-Rami (1999) membincangkan tiga kategori kecacatan rumah kediaman dan cara-cara untuk menilai keadaan kerosakan tersebut iaitu:

- Kecacatan kecil yang tidak menjelaskan harga rumah seperti cat rumah yang mengelupas, retakan pada lapisan kalis air, lubang-lubang kecil pada dinding dan lubang-lubang kecil pada lantai.
- Kecacatan sederhana yang mengurangkan harga rumah seperti terdapat kayu atau batu penyokong yang menyandang tulang rumah yang lemah, punca air yang rosak tetapi masih boleh dibaiki, tingkap kecil yang rosak dan mendedahkan penghuni rumah serta kayu bumbung dan bumbung rumah yang buruk.
- Kecacatan besar yang membolehkan kontrak pembelian dibatalkan atau mengurangkan harga belian dengan jumlah yang agak besar termasuklah kecacatan keseluruhan, tetapi tidak disebut semasa kontrak pembelian berlangsung seperti saluran air pecah menyebabkan air keluar melalui dinding

rumah, perigi yang tidak boleh dibaiki, lubang angin yang terlalu besar, sebahagian besar dinding rumah/pagar runtuh dan bau busuk dari saluran air kumbahan jiran.

3.3 Kaedah Fiqh Berkaitan Adat Setempat ('Urf)

'Urf merupakan sebahagian rujukan dalam penentuan hukum. Islam mengambil kira kedudukan adat setempat sebagai panduan hukum bagi menunjukkan kesejagatan dan kesesuaian ajaran wahyu mengikut kepelbagaiannya faktor masa dan tempat (Shibir, 2000). Beberapa kaedah fiqh telah digariskan bagi menunjukkan implikasi adat setempat. Antaranya:

- (1) Al-Adat muhakkamah: Adalah adat itu dijadikan hukum.
- (2) Al-Ma'ruf 'urfan ka al-mashrut shartan: Yang makruf dan masyhur pada ahli uruf (adat setempat) itu seperti yang disyaratkan.
- (3) La yunkar taghayyur al-ahkam bi taghayyur al-azman: Tidak boleh diingkarkan berubah hukum itu disebabkan berubah masa.

Kaedah fiqh (1) menunjukkan setiap adat setempat menjadi penentu kepada sesuatu hukum. Manakala kaedah fiqh (2) membenarkan setiap perkara yang sudah diketahui melalui adat setempat mempunyai kekuatan yang tersendiri iaitu mengikat setiap tindakan atau menjadi syarat kepada tindakan tersebut. Perubahan masa sangat mempengaruhi perubahan hukum terutama dalam perkara-perkara urusan kehidupan dunia seperti yang dijelaskan dalam kaedah fiqh (3).


Aspek keselamatan rumah kediaman merupakan salah satu urusan kehidupan dunia terutama yang melibatkan perkara-perkara pembinaan fizikal. Banyak peraturan berkaitan keselamatan diserahkan kepada adat setempat iaitu mereka yang terlibat secara langsung kepada industri pembinaan. Kawasan dan persekitaran yang berbeza memberi impak kepada pembinaan rumah kediaman yang berbeza. Sebagai contoh, Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi telah diperkenalkan yang antara lain tujuannya ialah untuk merancang dan mengawal aktiviti pembangunan di kawasan tanah berbukit, tanah tinggi, lereng bukit dan puncak bukit serta kawasan sekitarnya. Aspek keselamatan merupakan salah satu prinsip garis panduan tersebut yang bermaksud ciri-ciri topografi hendaklah dipelihara dan diadunkan dengan elemen-elemen binaan tanpa menjelaskan kestabilan, keseimbangan, keharmonian dan keunikan semulajadi. Topografi yang dikacau ganggu

Konsep Keselamatan Rumah Kediaman Menurut Kaedah Fiqh

oleh pembangunan boleh memberi ancaman keselamatan kepada manusia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2009).

Selain daripada itu, jenis rumah kediaman berdasarkan faktor kos dan skim kewangan seperti kos rendah, sederhana rendah, sederhana dan tinggi turut mempengaruhi aspek keselamatan yang berbeza. Perbezaan ini didasari oleh kepelbagaiannya taraf hidup dan sosio-ekonomi masyarakat setempat di Malaysia. Hal ini memberi implikasi kepada struktur dan binaan rumah kediaman kepada pelbagai jenis seperti rumah sesebuah, rumah berkembar, rumah bandar, rumah teres, pangsapuri, kondominium dan kediaman berservis. Adat setempat juga mempengaruhi bahan binaan yang digunakan dalam pembinaan rumah kediaman di Malaysia. Menurut bancian tahun 2010 (carta 1), binaan dinding luar yang diperbuat daripada batu semakin meningkat kepada 75.5 peratus berbanding 59.5 peratus pada tahun 2000 disebabkan pertambahan bilangan unit perumahan jenis pangsa/apartmen/kondominium.

Carta 1: Peratusan unit perumahan didiami mengikut bahan binaan dinding luar, Malaysia, 2000 dan 2010



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keperluan dan kemampuan menjadi asas kepada setiap individu dalam membina rumah kediaman yang selamat. Semua ini bergantung kepada kedudukan dan sosio ekonomi setempat bagi setiap individu. Apa

yang penting panduan umum pembinaan rumah kediaman perlu dipatuhi, antaranya (Al-Saad, 2004):

- Tidak terlalu luas setiap binaan kediaman melebihi keperluan tanpa sebarang fungsi atau kegunaan.
- Tidak keterlaluan dalam perhiasan kediaman dan dekorasi pada perkara-perkara yang tidak diperlukan.
- Setiap ruang kediaman berfungsi dalam setiap urusan kehidupan.
- Tidak menggunakan kawasan tanah yang besar sedangkan keperluan hanyalah sedikit.
- Penggunaan bahan binaan yang bersesuaian mengikut kemampuan.

4. Kesimpulan

Rumah kediaman yang berkualiti dalam Islam adalah menyeluruh yang meliputi tuntutan fizikal dan rohani. Ini kerana, institusi keluarga Islam bukan sekadar mementingkan pembangunan fizikal dan ruang rumah kediaman semata-mata, malah pengisian dan fungsi setiap ruang yang bermanfaat dan mendatangkan kebaikan hidup di dunia dan akhirat. Garis panduan berkaitan rumah kediaman adalah hak yang diberikan secara eksklusif kepada setiap penghuninya. Kefahaman berkaitan aspek keselamatan rumah adalah sangat penting terutama dalam menangani pelbagai isu melibatkan persekitaran kediaman kepada institusi keluarga secara khusus dan komuniti secara amnya. Penelitian terhadap kaedah fiqh dapat memastikan pembinaan sesebuah rumah kediaman mestilah dalam keadaan selamat untuk dihuni demi kelangsungan hidup bagi menjaga maqasid syariah. Berdasarkan kaedah-kaedah tersebut dapat difahami bahawa keselamatan merupakan sebahagian bentuk maslahah kepada rumah kediaman. Sebarang bentuk mudarat hendaklah ditangani mengikut kemampuan pihak-pihak yang terbabit. Penentuan semua aspek keselamatan mengikut adat setempat yang melibatkan interaksi antara penduduk dan pihak pemaju. Walau bagaimanapun, kaedah syarak tidak seharusnya dikesampingkan yang melibatkan faktor sumber, proses dan hasil dalam memastikan keselamatan rumah kediaman.

5. Rujukan

- Abdullah Mubarak. (2002). *Imarat al-Buyut wa Ahkamuha fi al-Islam: Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. Jordan: Disertasi Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Al al-Bayt, Jordan.
- Abu Faris, Muhammad Abd al-Qadir. (2000). *Tazkiyyat al-nafs*. Amman: Dar al-Furqan.
- Ahmad ibn Hanbal. (1998). *Al-Musnad*. Jilid 5. Beirut: Alam al-Kutub.
- Al-Bayhaqiyy, Ahmad Husin Ali. (1994). *Sunan al-Bayhaqiyy*. Jilid 6. Mekah: Maktabah Dar al-Baz.
- Al-Burnu, Muhammad Sadqi ibn Ahmad. (1997). *Mawsu'at al-Qawaaid al-Fiqhiyyah*. Riyadh: Maktabah al-Tawbah.
- Al-Dughmi, Muhammad Rakan. (1985). *Himayat al-Hayat al-Khassah fi al-Shariah al-Islamiyyah*. Cetakan 3. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Hilaliyy, Abdullah. (2005). *Qaidah La Darar wa La Dirar*. Dubai: Dar al-Buhuth. jil 1.
- Al-Nadwi, Ali Ahmad.(2004). *Al-Qawaaid al-Fiqhiyyah*. Cetakan 6. Beirut: Al-Dar al-Shamiyyah.
- Al-Nawawiyy, Yahya ibn Sharaf. (1971) *Sharh Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.
- Al-Qubbaj, Samir Mazin. (2008). *Majallat al-Ahkam al-Adliyyah: Masadiruha wa Atharuha fi Qawanin al-Sharq al-Islamiyy*. Jordan: Dar al-Fath.
- Al-Rifaiyy, Al-Gharib Ibrahim Muhammad. (2006). *Tahammul al-Darar al-Khass li daf al-Darar al-Amm*. Iskandariyah: Dar al-Fikr al-Jamiyy.
- Al-Saad, Ahmad. (2004). *Dawabit Bina' al-Masakin fi al-Fiqh al-Islamiyy*. www.arablawinfo.com. Diperoleh pada 20 Julai 2010.

Al-Tuwayjariyy, Sulayman ibn Wail. (t.th). Haqq al-Irtifaq: Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah. Arab Saudi: Dar Ibn al-Jawziyy.

Al-Zarqa', Ahmad Muhammad. (1993). Sharh al-Qawaид al-Fiqhiyyah. Cetakan 3. Dimashq: Dar al-Qalam.

Al-Zuhayli, Muhammad. (1999). Al-Qawaيد al-fiqhiyyah ‘ala al-madhhab al-Hanafi wa al-Shafii. Kuwait: Jamiat al-Kuwayt.

Anas Mustafa Abu Ata. (1994). Fiqh al-Bi’ah fi al-Shariah al-Islamiyyah. Bangi: Disertasi Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abd al-Rahman ibn Ahmad. (1995). Ahkam al-Jiwar fi al-Fiqh al-Islamiyyah. Jeddah: Dar al-Andalus al-Hadra'.

Izz al-Din, Abd al-Aziz ibn Abd al-Salam. (1991). Qawaيد al-Ahkam fi Masalih al-Anam. Jilid 1. Kaherah: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah.

Ibn al-Ramiyy, Muhammad ibn Ibrahim. (1999). Al-Ilān bi Ahkam al-Bunyan. t.tp: Markaz al-Nashr al-Jamiyyah.

Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwiniyy. (t.th). Sunan Ibn Majah. t.tp: Jilid 2. Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad ibn Abi Bakr. (1994). Zad al-Maad fi Hadyi Khayr al-Ibad. Jilid 4. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.

Imam, Muhammad Kamal al-Din. (1996). Muqaddimah li dirasat al-Fiqh al-Islamiyyah. Beirut: Al-Mu'assasah al-Jamiyyah.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (2009). Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (2010). Garis Panduan Perancangan Gated Community and Guarded Neighbourhood. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan.

Konsep Keselamatan Rumah Kediaman Menurut Kaedah Fiqh

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2013). Ciri-ciri Tempat Kediaman 2010. https://www.statistics.gov.my/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=117&bul_id=V3JzMyt5SnpDVE1CQUhHOEZoelRsUT09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZkIWdzQ4TlhUUT09. Diperoleh pada 20 Ogos 2016.

Muslim ibn al-Hajjaj. (t.thn). Al-Musnad al-Sahih. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy

Nurizan Yahya. (1998). Kualiti Perumahan dan Kualiti Hidup. ANALISIS. Sintok: Universiti Utara Malaysia. 5(1&2).

Sayyid Qutb. (1997). Fi Zilal al-Qur'an. Jilid 4. Beirut: Dar Shuruq.

Shibir, Muhammad Uthman. (2000). Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah fi al-Shariah al-Islamiyyah. Amman: Dar al-Furqan.

